



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 28 Tahun 2021

**IKLAN BIASISWA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI STAF
BUKAN AKADEMIK IPTA TAJAAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
(KPT) UNTUK MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN
Ph.D BAGI SEMESTER 1 2022/2023**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pembukaan tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada para pentadbir dan pegawai bukan akademik IPTA di Gred 41 dan ke atas untuk mengikuti pengajian secara sepenuh masa di peringkat Sarjana dan Ph.D di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Dalam Negara bagi sesi pengajian Semester 1 2022/2023 merujuk surat KPT.700-4/1/4 JLD 3 (40) bertarikh 24 September 2021 dan penerimaan di Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK), Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), Pejabat Pendaftar pada 1 Oktober 2021.

LATAR BELAKANG

2. Objektif Skim Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Kakitangan Bukan Akademik IPTA adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk meningkatkan tahap profesionalisme pentadbir di Universiti Awam.

SYARAT TAWARAN

3. Syarat Umum:

- i. Pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan

perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

4. Syarat Khusus:

- i. Pada 31 Disember 2021, pegawai mestilah berumur tidak lebih daripada **43 tahun** bagi pengajian peringkat Kedoktoran (Ph.D) dan **45 tahun** bagi pengajian peringkat Sarjana;
- ii. Telah **disahkan dalam perkhidmatan** pada tarikh tutup permohonan;
- iii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama **tiga (3) tahun** dalam skim perkhidmatan Pengurusan & Profesional (Gred 41 dan ke atas dan lantikan selewat-lewatnya 1 Januari 2018) pada tarikh tutup permohonan;
- iv. Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85% ke atas** bagi tempoh tiga (3) tahun skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2018, 2019 & 2020). Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- v. Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Sarjana yang baik bagi pengajian peringkat Ph.D (pencapaian **CGPA minimum 2.75**);
- vi. Belum memiliki kelayakan Ijazah Lanjutan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan;
- vii. Kursus yang diikuti adalah **berkaitan dengan tugas pegawai** dan diperlukan demi kepentingan perkhidmatan;
- viii. Permohonan **diperakukan** oleh pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM);
- ix. Perlu memohon ke universiti selain dari tempat berkhidmat. Calon **tidak dibenarkan** memohon tempat pengajian yang sama dengan tempat berkhidmat;
- x. **Tidak menerima sebarang bentuk penajaan** daripada mana-mana penaja lain;
- xi. Telah **mengisytiharkan harta** (termasuk pengisytiharan harta tambahan) dalam tempoh 5 tahun kebelakangan mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- xii. Tidak tersenarai dalam **senarai hitam** pinjaman PTPTN atau Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP);
- xiii. Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah; dan
- xiv. Menyediakan **kertas cadangan pengajian (proposal)** dan hendaklah dimuat naik serta diserahkan kepada urus setia semasa calon menghadiri temu duga. Kulit depan kertas cadangan hendaklah mematuhi format seperti yang telah disediakan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

5. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat- syarat yang ditetapkan.

6. Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan oleh Ketua Jabatan pada tahun 2022 kelak. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan HLP ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan kepada mereka untuk menjalani pengajian.

PERMOHONAN

7. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:-

- i. Permohonan adalah secara dalam talian di laman web Bahagian Biasiswa, KPT <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php>. Walau bagaimanapun, permohonan hendaklah melalui Bahagian Kemajuan Kerjaya (BKK), Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), Pejabat Pendaftar.
- ii. Sebelum memulakan permohonan, sila pastikan pemohon memenuhi syarat-syarat permohonan dan memohon mengikut bidang yang disyorkan oleh pihak UiTM sahaja seperti **di Lampiran 1**.
- iii. Permohonan yang tidak memenuhi syarat dan bidang tidak akan disokong untuk memohon biasiswa HLP.
- iv. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon kepada BKK (sama ada melalui e-mel atau *hard copy*) adalah seperti berikut:-

Bil.	Dokumen	Tindakan
a.	Borang Pelepasan Mengikuti Pengajian	Ditandatangani oleh Dekan Fakulti/ Rektor Kampus/ Ketua Jabatan dan Ketua Skim Perkhidmatan
b.	Pengesahan Pengisytiharan Harta dan tarikh Pengisytiharan Harta yang terkini.	Dicetak dari Sistem HR2U
c.	Markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan	i. Tahun 2018, 2019 dan 2020 ii. Dicetak dari Sistem HR2U
d.	Transkrip Ijazah Pertama dan/atau Sarjana ATAU kedua-duanya	i. Disahkan benar dari salinan asal
e.	Deskripsi Tugas	Dikemukakan satu salinan.
f.	Kertas Cadangan Penyelidikan dan Borang Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan (UiTM/BPD-BKK/03-4)	i. Pembentangan kepada Ketua Skim Perkhidmatan/ Wakil dan melengkapkan Borang Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan. ii. Kertas Cadangan Penyelidikan disemak dan disahkan oleh Ketua Skim Perkhidmatan/ Wakil. iii. Cadangan Penyelidikan mestilah berkaitan dengan bidang tugas dan memberi impak ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi.
g.	Borang Perakuan Ketua Jabatan, KPT	i. Hendaklah disahkan oleh Ketua BKK, JPMS, Pejabat Pendaftar. ii. Ruangan A dan B pada borang tersebut hendaklah diisi oleh pemohon. iii. Ruangan C akan diisi oleh pihak BKK (berdasarkan maklumat yang disertakan)

- v. Dimaklumkan bahawa temu duga akan dilaksanakan oleh KPT dan permohonan calon-calon yang disokong oleh KPT akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM), UiTM untuk kelulusan cuti belajar.
- vi. Sukacita diingatkan permohonan yang tidak melalui BKK tidak akan diproses untuk mendapatkan kelulusan cuti belajar.
- vii. Calon perlu membuat sesalinan peribadi bagi setiap dokumen untuk dimuat naik dalam laman web KPT dan sebelum dihantar ke BKK.

- viii. Kesemua dokumen sokongan serta Borang Perakuan Ketua Jabatan, KPT hendaklah dimuat naik kembali di <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php> dan permohonan adalah dianggap lengkap dan telah dihantar apabila pemohon menekan butang 'Sah & Hantar' pada paparan yang disediakan.
- ix. Permohonan perlu menepati garis masa yang ditetapkan. Permohonan yang diterima melepasi garis masa tersebut tidak akan diproses. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

GARIS MASA PERMOHONAN

8. Sila ambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:-

Bil.	Tarikh	Perkara/ Aktiviti	Tindakan
i.	01.10.2021 hingga 14.10.2021	Semakan dan pengesahan bidang pengajian oleh Ketua Skim Perkhidmatan/ Wakil	BKK
ii.	15.10.2021	Pekeliling Pendaftar Bil. 28 Tahun 2021 dikeluarkan.	Calon memahami syarat-syarat dan tatacara permohonan serta membuat persediaan.
iii.	15.10.2021 hingga 07.11.2021	<p>*15.10.2021 – 26.10.2021: Sesi pembentangan cadangan penyelidikan bersama Ketua Skim Perkhidmatan/ Wakil.</p> <p>*27.10.2021 – 03.11.2021: Semakan dan pengesahan oleh calon dan PTJ.</p> <p>*04.11.2021 – 07.11.2021: Penghantaran dokumen kepada BKK</p> <p><i>*tarikh yang dinyatakan adalah cadangan oleh urusetia BKK dan tertakluk kepada pelaksanaan di PTJ.</i></p>	<p>a. Calon melengkapkan dokumen mengikut keperluan.</p> <p>b. PTJ mengadakan sesi pembentangan cadangan penyelidikan bagi calon-calon yang memenuhi syarat dan berkelayakan bersama Ketua Skim Perkhidmatan/ Wakil.</p> <p>c. PTJ membuat semakan dan pengesahan pada dokumen calon.</p> <p>d. Penghantaran dokumen yang lengkap kepada BKK.</p>
iv.	08.11.2021	Tarikh akhir penerimaan dokumen lengkap di BKK sama ada melalui e-mel atau <i>hard copy</i> .	Calon membuat satu salinan bagi setiap dokumen untuk tujuan muat naik ke laman web KPT setelah diperakukan oleh BKK.


Bil.	Tarikh	Perkara/ Aktiviti	Tindakan
v.	08.11.2021 hingga 19.11.2021	Semakan dokumen di peringkat BKK.	<p>a. Cadangan penyelidikan telah disemak dan disahkan oleh Ketua/ Wakil Skim Perkhidmatan.</p> <p>b. Calon telah mendapat sokongan Dekan Fakulti/ Rektor/ Ketua Jabatan/ Ketua Skim Perkhidmatan pada Borang Pelepasan Untuk Mengikuti Pengajian.</p> <p>c. BKK memperakukan permohonan calon di Borang Perakuan Ketua Jabatan, KPT.</p>
vi.	22.11.2021 hingga 30.11.2021	<p>Calon muat naik dokumen yang telah disahkan oleh BKK di laman web KPT.</p> <p>Tarikh tutup permohonan: 30 November 2021, jam 5.00 petang</p>	<p>a. Calon telah menerima dokumen yang diperakukan oleh Ketua BKK sama ada melalui e-mel atau <i>hard copy</i>.</p> <p>b. Calon memuat naik dokumen di laman web KPT selewat-lewatnya pada 30 November 2021, jam 5.00 petang.</p>

TARIKH DIKELUARKAN

9. Pekeliling ini dikeluarkan pada 15 Oktober 2021.

TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 15 Oktober 2021.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan
Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 28/2021)

**SENARAI BIDANG UNTUK PERMOHONAN BIASISWA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN
STAF BUKAN AKADEMIK IPTA BAGI SEMESTER 1 2022/2023**

BIL	SKIM JAWATAN	BIDANG PENGAJIAN 2022/2023	PERINGKAT PENGAJIAN
1.	B (Pegawai Kebudayaan/ Pegawai Muzik/ Pereka/ Penerbit Rancangan)	i. Art Management ii. Performance Arts iii. Art Entrepreneurship iv. Creative Economy	Doktor Falsafah
		i. Art Management ii. Performance Arts iii. Master in Event Program / Event Management iv. Master in New Media	Sarjana
2.	C/ Q (Pegawai Sains/Pegawai Penyelidik)	i. Science	Doktor Falsafah
3.	E (Pegawai Perangkawan)	i. Statistic ii. Applied Statistic iii. Quantitative Science	Sarjana
4.	F (Pegawai Teknologi Maklumat)	i. IT Management-Strategic Planning ii. Software Engineering-Enterprise Architecture iii. Computer Network/Parallel and Distributed Computing iv. Security in Computing v. Database System-Big Data Analytic vi. Intelligent Computing vii. Programming Languages and Systems viii. Information Systems ix. Knowledge Management x. ICT Project Management	Doktor Falsafah
		i. Database System ii. Information Systems iii. Intelligent Systems iv. Human Computer Interaction v. Computer Network vi. Software Engineering vii. Security in Computing viii. Multimedia Computing ix. Parallel & Distributed Computing	Sarjana

BIL	SKIM JAWATAN	BIDANG PENGAJIAN 2022/2023	PERINGKAT PENGAJIAN
5.	G (Pengurus Ladang)	i. Teknologi Pertanian	Sarjana
		i. Agri Business ii. Plantation Industry Management	Doktor Falsafah
6.	J (Jurutera/ Arkitek/ Juruukur)	i. Facility Management	Doktor Falsafah
		i. Facility Management ii. Pengurusan Pembinaan iii. Green & Sustainable Energy Management	Sarjana
7.	K (Pegawai Keselamatan)	i. Psikologi ii. Teknologi Maklumat iii. Pengurusan Sumber Manusia iv. Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan v. Perang Saraf dan Informasi	Sarjana
8.	L (Pegawai Undang-Undang)	i. Administrative Law ii. Commercial Law	Doktor Falsafah
		i. Administrative Law ii. Commercial Law iii. Medical Law iv. Construction Law v. Contract Management	Sarjana
9.	N (Pegawai Tadbir)	i. Risk Management ii. Sains Pentadbiran	Doktor Falsafah
		i. Talent Management & Assessment ii. Pembangunan & Pengurusan Sumber Manusia iii. Pengurusan Pentadbiran & Organisasi iv. MBA Hospital Management / Hospital Management	Sarjana
10.	N (Pengurus Asrama)	i. Strategic Management/ Quality Management/ Service Management ii. Hospitality & Service Management/ Service Marketing	Doktor Falsafah
		i. Student Development/ Student Affairs Counselling/ Human Development ii. International Business in Hotel and Design Management iii. Strategy & Innovation iv. Executive Master of Administrative Science	Sarjana
11.	N (Pegawai Penerbitan)	i. Publishing Studies ii. Print Media iii. Visual Communication iv. New Media	Sarjana

BIL	SKIM JAWATAN	BIDANG PENGAJIAN 2022/2023	PERINGKAT PENGAJIAN
12.	S (Pustakawan)	i. Library and Information Science ii. Information Technology iii. Information System iv. Digital Library	Doktor Falsafah
		i. Computer Science (Web Technology) ii. Data Science and Analytics iii. Records and Documents Management (Coursework) iv. Communication (Intergrated Marketing Communication) v. Library and Information Science	Sarjana
13.	S (Pegawai Hal Ehwal Islam)	i. Syariah (Fiqh Usul) ii. Bimbingan & Kaunseling	Doktor Falsafah
		i. Syariah (Fiqh Usul) ii. Dakwah iii. Pengajian Al-Quran & Sunnah	Sarjana
14.	S (Pegawai Psikologi)	i. Krisis dan Trauma ii. Developmental Module in Psychology iii. Human Psychology & Resources iv. Psychology Forensic	Doktor Falsafah
		i. Pengujian dan Pengukuran Psikologi ii. Kaunseling Kerjaya iii. Kaunseling/Psikologi Industri dan Organisasi iv. Kaunseling Pemulihan v. Psikometrik vi. Kaunseling Keluarga dan Komuniti vii. Islamic Guidance & Orientation viii. Kaunseling Psikologi ix. Human Sciences in Psychology - Specializing in Clinical & Counseling	Sarjana
15.	S (Pegawai Belia & Sukan)	i. Pengurusan Sukan ii. Sains Sukan	Doktor Falsafah
		i. Sains Sukan ii. Pengurusan Sukan iii. Pengurusan Acara iv. Teknologi Sukan v. Pendidikan Sukan / Pendidikan	Sarjana
16.	S (Pegawai Kesatria)	i. Education/ Communication/ Social Science	Doktor Falsafah
		i. Education/ Communication/ Social Science	Sarjana
17.	S (Kurator)	i. Visual Arts ii. Education iii. Arts Education	Doktor Falsafah

BIL	SKIM JAWATAN	BIDANG PENGAJIAN 2022/2023	PERINGKAT PENGAJIAN
		<ul style="list-style-type: none"> i. Creative Studies ii. Visual Arts iii. Education 	Sarjana
18.	U (Pegawai Pergigian)	<ul style="list-style-type: none"> i. Pergigian Kesihatan Awam (Dental Public Health) ii. Klinikal: Peridontology/ Orthodontic/ Special Care Dentistry/ Prosthodontic 	Doktor Falsafah
		<ul style="list-style-type: none"> i. Pergigian Kesihatan Awam (Dental Public Health) ii. Oral/ Dental Science 	Sarjana
19.	U (Pegawai Perubatan)	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembedahan Am ii. Perubatan iii. Anestesiologi iv. Perubatan Kecemasan v. Otorhinolaryngology, Head & Neck Surgery vi. Ortopedik vii. Obstetrik & Ginekologi viii. Pediatrik ix. Pembedahan Plastik/ CVTS x. Psikiatri xi. Oftalmologi xii. Primary Care xiii. Onkologi 	Sarjana
		<ul style="list-style-type: none"> i. Kesihatan Keluarga 	Sarjana Kepakaran
20.	U (Pegawai Farmasi)	<ul style="list-style-type: none"> i. Pharmacy Practice/ Social & Administrative Pharmacy 	Doktor Falsafah
		<ul style="list-style-type: none"> i. Clinical Pharmacy 	Sarjana
21.	U (Pegawai Optometri)	<ul style="list-style-type: none"> i. Master of Clinical Optometry ii. Master of Orthoptics iii. Master of Low Vision and Rehabilitation iv. Health Education/Health Promotion v. Contact Lens 	Sarjana
22.	U (Pegawai Pemulihan Perubatan)	<ul style="list-style-type: none"> i. Clinical Science (Occupational Therapy) 	Sarjana
23.	U (Juru X-Ray)	<ul style="list-style-type: none"> i. Medical Imaging 	Sarjana
24.	U (Pegawai Dietetik)	<ul style="list-style-type: none"> i. Doctor of Philosophy (Dietetics) 	Doktor Falsafah
		<ul style="list-style-type: none"> i. Clinical Dietetics/ Nutrition ii. Community Nutrition iii. Health Education/ Health Promotion 	Sarjana

BIL	SKIM JAWATAN	BIDANG PENGAJIAN 2022/2023	PERINGKAT PENGAJIAN
25.	W (Pegawai Kewangan/ Juruaudit)	i. Certified Internal Auditor	Sarjana
26.	W (Pegawai Penilaian)	i. Real Estate Economics, Finance & Investment	Doktor Falsafah
		i. Real Estate Investment	Sarjana

* Peringkat Profesional adalah tertakluk kepada kelulusan tajaan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

LAMPIRAN TAMAT

**TAWARAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI
STAF BUKAN AKADEMIK IPTA
UNTUK MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
BAGI SEMESTER 1 2022/2023**

Kementerian Pengajian Tinggi ingin menawarkan penajaan skim Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada para pentadbir dan pegawai bukan akademik IPTA bagi mengikuti pengajian kursus-kursus jangka panjang secara **SEPENUH MASA** di peringkat **Sarjana dan Ph.D di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Dalam Negara** bagi Sesi Pengajian **Semester 1 2022/2023**.

Calon-calon yang berminat hendaklah memohon secara atas talian sepenuhnya di pautan berikut : <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php> atau melalui portal rasmi Kementerian Pengajian Tinggi (rujuk **Pautan Pantas > Permohonan / Semakan Dibuka**). Permohonan akan dibuka mulai **1 Oktober 2021 jam 5.00 petang hingga 30 November 2021 jam 5.00 petang**. Permohonan yang tidak menepati syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar, tidak lengkap, dokumen sokongan yang tidak disahkan atau borang permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Hanya calon yang layak dan melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk urusan temuduga.

SYARAT-SYARAT & KELAYAKAN

A. SYARAT UMUM

Pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

B. SYARAT KHUSUS

- i. Pada **31 Disember 2021**, pegawai mestilah berumur tidak lebih daripada **43 tahun** bagi pengajian peringkat kedoktoran (Ph.D) dan **45 tahun** bagi pengajian peringkat Sarjana;
- ii. Telah **disahkan dalam perkhidmatan** pada tarikh tutup permohonan;
- iii. Telah berkhidmat **sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun** dalam skim

perkhidmatan Pengurusan & Professional (**Gred 41 dan ke atas** dan lantikan selewat-lewatnya 1 Jan 2018) pada tarikh tutup permohonan;

- iv. Mencapai markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) purata **85% ke atas** bagi tempoh tiga (3) tahun skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2018, 2019 & 2020). Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- v. Kursus yang diikuti adalah berkaitan dengan tugas pegawai dan diperlukan demi kepentingan perkhidmatan;
- vi. Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Sarjana yang baik bagi pengajian peringkat Ph.D (pencapaian CGPA minimum 2.75);
- vi. Belum memiliki kelayakan Ijazah Lanjutan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan;
- vi. Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek sebelumnya seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 (jika berkenaan);
- ix. Mematuhi syarat yang ditetapkan dalam **Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar** kepada Penjawat Awam seperti berikut:
 - Bagi calon yang telah mengikuti cuti belajar melebihi 12 bulan **di dalam atau di luar negara**, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada **di dalam atau di luar negara** selepas **genap 2 tahun** tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya, dan
 - Bagi calon yang telah mengikuti cuti belajar kurang daripada 12 bulan tetapi melebihi 3 bulan **di dalam atau di luar negara**, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada **di dalam atau di luar negara** selepas **genap 1 tahun** tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya.
- x. Telah mengisytiharkan harta (termasuk pengisytiharan harta tambahan) dalam tempoh 5 tahun kebelakangan;
- xi. Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman PTPTN atau Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP);
- xi. Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;

- xi. Menyediakan kertas cadangan pengajian (*proposal*) dan hendaklah dimuatnaik serta diserahkan kepada urus setia semasa calon menghadiri temu duga. **Kulit depan** kertas cadangan hendaklah mematuhi format seperti yang telah disediakan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- i. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- ii. Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan oleh Ketua Jabatan pada tahun 2022 kelak. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan HLP ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan kepada mereka untuk menjalani pengajian.

PEMILIHAN

- i. Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat-syarat ditetapkan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga.
- ii. Pemilihan muktamad akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penajaan, Kementerian Pengajian Tinggi.

PERMOHONAN

Calon-calon yang berminat hendaklah memohon secara atas talian sepenuhnya di talian sepenuhnya di pautan berikut : <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php> atau melalui portal rasmi Kementerian Pengajian Tinggi (rujuk **Pautan Pantas > Permohonan / Semakan Dibuka**). Kesemua dokumen sokongan serta borang perakuan Ketua Jabatan hendaklah dimuatnaik kembali dan permohonan adalah dianggap lengkap dan telah dihantar apabila pemohon menekan butang 'Sah & Hantar' pada paparan yang disediakan. Permohonan akan mula dibuka pada **1 Oktober 2021 jam 5.00 petang hingga 30 November 2021 jam 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas dari jam 5.00 petang tidak akan diproses. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

Senarai salinan dokumen sokongan yang diperlukan ialah seperti berikut :

BIL	DOKUMEN	FORMAT	SAIZ MAKSIMA
1.	Gambar berukuran pasport	JPEG	280kb
2.	Rancangan Penyelidikan (<i>proposal</i>) yang disahkan *Ketua Jabatan / Penyelia (<u>Lampiran A</u>)	PDF	1.0mb
3.	Transkrip Ijazah Pertama / Sarjana ATAU kedua-duanya (disahkan)	PDF	300kb
4.	Lampiran Senarai Tugas Terkini (disahkan)	PDF	320kb
5.	Borang Perakuan Ketua Jabatan	PDF	400kb

***Nota : Ketua Jabatan adalah Pendaftar/Timbangan Pendaftar Pengurusan Sumber Manusia sahaja**

Sila rujuk pada pautan **Borang** sebagai panduan :

- Panduan mengimbas dokumen sokongan
- Panduan menukar format dokumen ke format PDF

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Biasiswa
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 2, No. 2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

(u.p. : Encik Faizul Rahman bin Sjafri / Cik Nurhafifah binti Rosli)

No. Telefon : 03-8870 6344 / 03-8870 6339 / 03-8870 6000 samb. 4765

Faks : 03-8870 6839

E-mel : slpp@mohe.gov.my

Untuk masalah teknikal permohonan, sila hubungi :

No. Telefon : 03-8870 6317 / 03-8870 6319

TAJUK KERTAS CADANGAN

DISEDIAKAN OLEH:

(NAMA PEGAWAI/NO. KAD PENGENALAN)

JABATAN:

(NAMA JABATAN/POLITEKNIK/KOLEJ KOMUNITI/UNIVERSITI)

TANDATANGAN:

.....

TARIKH:

.....

DISAHKAN OLEH:

.....

TARIKH:

.....

**“ PANDUAN MENULIS CADANGAN PENYELIDIKAN
UNTUK PROGRAM IJAZAH LANJUTAN ”**

“ *Guideline to Writing Research Proposal for PHD / Masters Programme* ”

**1) Panduan menulis cadangan penyelidikan (Ph.D dan Sarjana secara penyelidikan penuh)
*Guideline to writing research proposal (Ph.D and Masters by research)***

Pemohon dikehendaki mengemukakan satu kenyataan berkaitan cadangan penyelidikan (calon Ph.D dan calon Sarjana secara penyelidikan penuh). Kenyataan haruslah mengandungi elemen berikut:

Applicants are required to submit a research proposal (Ph.D & Masters by research). The statement should comprise the following elements:

- Bidang penyelidikan (Sila letakkan di penjuru atas kanan muka depan kertas)
Field of research
- Tajuk rancangan penyelidikan
Topic of research proposal
- Objektif kajian / Pernyataan masalah
Objective of study / Problem statement
Jelaskan apakah objektif / pernyataan masalah yang mendorong tajuk ini dikaji
Explain the objective (s) / problem statement that influence the research
- Latar belakang atau kajian perpustakaan ringkas mengenai bidang kajian
Background or a brief literature review on the research topic
- Skop kajian / Rangka kajian
Scope of study / Theoretical Framework
- Metodologi kajian
Methodological research
Jelaskan metod-metod yang akan digunakan dalam membuat kajian seperti perpustakaan, kerja makmal, kajian luar, dokumentari persejarahan, wawancara/soal selidik, penafsiran dan analisis dan lainnya
Explain the methods used in the research such as library research, lab work, field work, historical documentary, interview, survey, evaluation and analysis, etc.
- Jelaskan apakah objektif yang mendorong tajuk ini dikaji
Explain the objective (s) that influence the research
- Rangka Jadual Kerja
Work Schedule

- Bibliografi ringkas
Brief bibliography
- Kepentingan kajian
Significance of research

Cadangan penyelidikan ini hendaklah tidak kurang daripada 10 muka surat (Ph.D) atau 5 muka surat (Sarjana) dan ditulis dalam Bahasa Inggeris (pengajian di Luar Negara) dan Bahasa Melayu / Bahasa Inggeris (pengajian di Dalam Negara).

The research proposal should not be less than 10 pages (Ph.D) or 5 pages (Masters), written in English (Overseas Studies) and Bahasa Melayu/English (Local Studies).

2) Panduan menulis cadangan pelan pengajian (Sarjana secara kerja kursus) ***Guideline to writing study proposal (Masters by coursework)***

Pemohon dikehendaki mengemukakan satu kenyataan berkaitan dengan pelan pengajian. Kenyataan haruslah mengandungi elemen-elemen berikut:

Applicants are required to submit a statement of purpose with study plan. The statement should comprise the following elements:

- Bidang kursus (Sila letakkan di penjuru atas kanan muka depan kertas)
Coursework
- Tajuk kajian Ringkas dan Pernyataan Masalah Ringkas
Topic of coursework / Brief Problem Statement
- Pelan Pengajian
Study Plan
- Potensi Kepentingan Kerja Kursus kepada Jabatan / Kementerian
Potential interest of coursework towards Department / Ministry

Cadangan pelan pengajian ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 3 muka surat serta ditulis dalam Bahasa Inggeris (pengajian di Luar Negara) dan Bahasa Melayu / Bahasa Inggeris (pengajian di Dalam Negara).

The research proposal should not be less than 3 pages, written in English (Overseas Studies) and Bahasa Melayu / English (Local Studies).

- ❖ Pemohon juga boleh melayari laman web E-Pembelajaran Sektor Awam (ESPA) www.epsa.intan.my bagi mendapatkan maklumat-maklumat tambahan dalam membantu penyediaan kertas cadangan.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI***(MINISTRY OF HIGHER EDUCATION)*

PERAKUAN KETUA JABATAN

**BIASISWA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN PERINGKAT IJAZAH LANJUTAN
BAGI STAF BUKAN AKADEMIK IPTA
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI****A) MAKLUMAT PERKHIDMATAN**

01. NAMA : _____
02. NO. KP : _____
03. INSTITUT /JABATAN : _____
04. ALAMAT TEMPAT BERTUGAS : _____
05. TELEFON PEJABAT : _____
06. FAKSIMILI : _____
07. NAMA JAWATAN : _____
08. GRED JAWATAN : _____
09. TARIKH LANTIKAN : _____
10. TARIKH PENGESAHAN JAWATAN : _____
11. TANGGA GAJI : _____
12. TEMPOH BERKHIDMAT : _____
13. LANTIKAN PERTAMA KE PERKHIDMATAN KERAJAAN JIKA LAIN DARI 07:
i. NAMA JAWATAN : _____
ii. GRED JAWATAN : _____
14. OPSYEN PERSARAAN : 55 / 56 / 58 / 60

B) BUTIR- BUTIR YANG DIPOHON (potong yang tidak berkaitan)**

01. NAMA KURSUS : _____
02. PERINGKAT KURSUS : _____

C) ULASAN KETUA JABATAN (potong yang tidak berkaitan)**

01. SOKONGAN : **DISOKONG /TIDAK DISOKONG
02. TINDAKAN TATATERTIB : **ADA/TIADA
JIKA ADA, NYATAKAN
i. PERINGKAT : PERTUDUHAN RAYUAN HUKUMAN
ii. JENIS HUKUMAN : _____
iii. TAHUN : _____

03. PEGAWAI ** TELAH / BELUM MENGISTIHARKAN HARTA : _____
(DALAM TEMPOH 5 TAHUN KEBELAKANG SAHAJA) TARIKH TERAKHIR PENGISTIHARAN HARTA : _____

04. MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) :

TAHUN			
MARKAH			

PURATA MARKAH :

05. PEGAWAI ** BOLEH/TIDAK BOLEH DILEPASKAN UNTUK MENJALANI PENGAJIAN PADA SESI YANG DIPOHON.

SAYA MENGESAHKAN BAHAWA SEMUA KENYATAAN YANG DIBERIKAN OLEH _____

ADALAH BENAR.

TANDATANGAN KETUA BAHAGIAN

NAMA:
JAWATAN :
COP RASMI JABATAN :
TARIKH :TANDATANGAN KETUA JABATAN (PENDAFTAR /
TIMBALAN PENDAFTAR PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)NAMA:
JAWATAN :
COP RASMI JABATAN :
TARIKH :

Nota: Tandatangan bagi pihak (b/p) adalah tidak dibenarkan



Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

**Borang Pengesahan Pembentangan Rancangan Penyelidikan
oleh Calon Pemegang Biasiswa Cuti Belajar Secara Penyelidikan
Peringkat Sarjana Dan Kedoktoran**

<input type="checkbox"/> TPM/ PSPM	<input type="checkbox"/> Biasiswa Staf Akademik
<input type="checkbox"/> Staf Pentadbiran P & P	<input type="checkbox"/> CBBPTB/CBTG/ CBBPTAL

Sila tandakan / pada kotak yang berkenaan

Untuk diisi oleh calon

- Nama :
 - No. Pekerja : 3. No Kad Pengenalan :
 - Peringkat : Sarjana Kedoktoran
 - Fakulti / Kampus / Jabatan / CoE :
 - Bidang Pengajian:
 - Nama Calon Penyelia:
(Sila sertakan CV calon penyelia)
 - Universiti Pengajian :
 - Tajuk Penyelidikan:
 -
 - Sila tandakan x mana yang berkaitan mengenai cadangan penyelidikan :
 Belum disemak oleh penyelia
 Telah dipersetujui oleh calon penyelia tanpa pindaan
 Telah dipersetujui oleh calon penyelia dengan pindaan
- Tarikh: Tandatangan calon:

Untuk diisi oleh Ketua PTJ/ Ketua Skim Perkhidmatan

- Tarikh Pembentangan:
- Ulasan PTJ :
- Kesesuaian tajuk dengan bidang
.....
.....
.....
 - Jangkaan dapatan dan faedah Cadangan Penyelidikan kepada Universiti
.....
.....
- Tarikh: Disahkan oleh :
Ketua PTJ
(Tandatangan & Cop Rasmi)

NOTA:
 Staf Akademik : Calon hendaklah membentangkan rancangan penyelidikan kepada PTJ semasa temu duga
 Staf Pentadbiran : Calon hendaklah membentangkan rancangan penyelidikan kepada PTJ sebelum diluluskan cuti belajar

Untuk kegunaan Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

Diterima pada : Tandatangan:

FORMAT KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN

TAJUK KAJIAN

Cadangan Penyelidikan (Research Proposal) perlu mengandungi komponen-komponen berikut :

1. Introduction
2. Background to Research
3. Problem Statement
4. Research Objective
5. Research Questions
6. Significance of Research/ Contribution to the Body of Knowledge
7. Literature Review
8. Methodology
9. References
10. Flowchart of proposed research activities
11. Gantt Chart for research activities

Nota :

Hendaklah DITAIP dengan mengikut format berikut :

1. Microsoft Word
2. Bersaiz A4 (Vertical)
3. 1 ½ Spacing
4. Font 12 Times New Roman
5. 10 – 15 muka surat
6. Mempunyai bilangan muka surat
7. Kertas kerja ini hendaklah ditulis dalam Bahasa Inggeris
8. Kemukakan Cadangan Penyelidikan **sebanyak 3 salinan** (tanpa *binding*)
9. Kertas cadangan penyelidikan ini perlu disediakan menurut format yang ditetapkan dan disahkan oleh Ketua Jabatan dan Dekan.

Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

BORANG PELEPASAN UNTUK MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT PhD DAN SARJANA

A) MAKLUMAT PEMOHON

NAMA :
 NO. PEKERJA :
 JAWATAN/ GRED :
 JABATAN/ KAMPUS :
 TELEFON PEJABAT :
 NO. TELEFON (H/P) :
 PERINGKAT : Ph.D / SARJANA
 BIDANG :
 UNIVERSITI YANG DIPILIH :
 TAJUK PENYELIDIKAN :
 ALASAN PERMOHONAN :

B) ULASAN DEKAN FAKULTI/REKTOR/KETUA JABATAN (potong yang tidak berkenaan)**

SOKONGAN : **DISOKONG / TIDAK DISOKONG

ULASAN DEKAN FAKULTI/ REKTOR/ KETUA JABATAN:

TARIKH

TANDATANGAN DEKAN FAKULTI/ REKTOR/ KETUA JABATAN

C) ULASAN KETUA/ WAKIL SKIM PERKHIDMATAN (potong yang tidak berkenaan)**

SOKONGAN : **DISOKONG / TIDAK DISOKONG

ULASAN KETUA/ WAKIL SKIM PERKHIDMATAN:

TARIKH

TANDATANGAN KETUA/ WAKIL SKIM PERKHIDMATAN

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

i.Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

ii.Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan oleh Ketua Jabatan pada tahun seterusnya. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan HLP ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan kepada mereka untuk menjalani pengajian.

TANGGUNGJAWAB KETUA SKIM PERKHIDMATAN

i.Ketua Skim Perkhidmatan adalah bertanggungjawab untuk membuat semakan yang teliti terhadap cadangan penyelidikan dan pelan pengajian yang dikemukakan oleh calon bagi memastikan ianya selaras dengan keperluan skim perkhidmatan.

ii.Ketua Skim Perkhidmatan juga hendaklah memastikan kesesuaian tempat pengajian dan kursus yang akan dipilih oleh calon yang melanjutkan pengajian agar dapat menyumbang kepada kepakaran, ilmu dan kemahiran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran.

